

Cari..

AKAUN RASMI
MEDIA SOSIAL

TERKINI pa bumi: Tiada kerosakan dikesan di kolej, MPKj akibat gegaran – JBPM Selangor

Cemerlang SPM dan cita-cita 'medic': Realiti sebenar menanti bakal pelajar perubatan

 3/04/2026 | 11:05 AM -  148 -  PERSPEKTIF


Gambar hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG,

RINGKASAN BERITA AI

Keputusan cemerlang SPM bukan tiket mutlak. Ketahanan mental diperlukan untuk meng

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Fasa praklinikal fokus ilmu asas; fasa klinikal menguji kemahiran praktikal, komunikasi empati, dan kebolehan menangani pesakit sebenar.

Housemanship dan amalan klinikal menuntut pengorbanan masa, tenaga, emosi serta ketahanan kerja berpasukan; pilih kerjaya berdasarkan kesiapan jiwa



Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 baru-baru ini telah melakar sejarah yang cukup membanggakan apabila seramai 13,779 calon berjaya memperoleh keputusan cemerlang gred A+, A, dan A- dalam semua mata pelajaran.

Malah, seramai 376 daripada mereka membuktikan kehebatan dengan rekod A+ bagi kesemua subjek, sekali gus menyumbang kepada pencapaian Gred Purata Kebangsaan (GPK) terbaik iaitu 4.42 mata.

Apabila menerima deretan A di atas kertas, sudah pastinya ramai pelajar dan ibu bapa mula memasang angan-angan tinggi ke menara gading, di mana jurusan perubatan sentiasa menjadi carta nombor satu buat golongan 'Straight A' ini.

Dorongan ini biasanya hadir daripada pelbagai sudut, sama ada jaminan masa hadapan, status tinggi dalam masyarakat, niat murni merawat pesakit, mahupun desakan impian ibu bapa yang mahu melihat anak mereka bergelar "Doktor".

DISYORKAN

**Pemeriksaan komunikasi digital dalam sektor ekopelancongan
Malaysia dalam peta pendidikan tinggi dunia**

Komunikasi strategik, formula pikat pengundi

Mengapa industri acara perlu belajar daripada pengurusan Fandom?



Secara luarannya, sememangnya bagus untuk pelajar pintar ini menyambung pengajian ke bidang perubatan, namun persoalan besar yang perlu dijawab ialah adakah sekadar deretan A mencukupi sebagai tiket jaminan kelangsungan dalam dunia perubatan yang serba mencabar ini.

Pelajar lepasan SPM perlu menyedari bahawa Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya. umumnya terbahagi kepada dua fasa utama yang sangat berbeza sifatnya. Dua tahun pertama dikenali sebagai fasa praklinikal, yang secara ringkas boleh diibaratkan seperti program Matrikulasi atau Asasi yang ditingkatkan tahap kesukarannya.

Pada fasa ini, pelajar mula bergelut dengan ilmu asas yang berat seperti anatomi, fisiologi, dan farmakologi.



Walaupun masih banyak berhadapan dengan buku dan kuliah di dewan kuliah, mereka mula diperkenalkan dengan kemahiran klinikal melalui kaedah simulasi serta pembelajaran berasaskan masalah.

Sepanjang dua tahun pertama ini, kebanyakan pelajar cemerlang biasanya tidak mempunyai masalah besar untuk menyesuaikan diri kerana corak pembelajarannya masih bersifat akademik tegar yang menuntut kekuatan hafalan dan pemahaman teori.

Namun, cabaran yang sebenar hanya akan bermula apabila pelajar melangkah masuk ke tiga tahun seterusnya iaitu fasa klinikal. Fasa klinikal inilah yang akan benar-benar menguji ketahanan mental dan fizikal seseorang pelajar perubatan kerana mereka mula "turun ke padang" di hospital dan berhadapan dengan pesakit yang sebenar.

Jika di fasa praklinikal mereka hanya membedah mayat atau merawat patung simulasi, di fasa klinikal segala ilmu yang dihafal akan diuji dalam situasi dunia sebenar yang tidak menentu. Di sinilah kemahiran insaniah seperti cara berkomunikasi dengan empati mula dinilai secara serius. Realitinya, di fasa inilah ramai pelajar mula tersungkur atau kehilangan punca.

Hal ini sering berlaku kepada mereka yang mengambil jurusan perubatan sekadar memenuhi kehendak ibu bapa atau bersikap memandang dengan tanggapan bahawa kecemerlangan "Straight A" dalam SPM adalah jaminan mutlak untuk mereka bergelar doktor.



Apabila melangkah ke alam klinikal, buku teks bukan lagi rujukan tunggal kerana simptom penyakit manusia tidak semestinya sejajar seratus peratus dengan apa yang tertulis di atas helaian kertas. Di peringkat ini, pesakit itu sendiri menjadi "buku teks" dan sumber ilmu yang paling utama bagi setiap bakal doktor.

Terdapat frasa keramat yang sering diingatkan "Pesakit adalah rujukan kamu", yang membolehkan mereka sebenar hanya akan terasah melalui pemerhatian tajam dan interaksi manusiawi di sisi katil pesakit.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Realiti ini menjadi semakin ketara apabila seseorang itu mula berkhidmat sebagai pengamal perubatan siswazah (housemanship). Fasa ini bukan sekadar menguji kebijaksanaan akademik, malah menuntut ketahanan fizikal, mental, dan emosi yang luar biasa.



Segala mekanisme daya tahan diri akan diuji secara serentak, bermula daripada keupayaan bekerja dalam pasukan, gaya mengurus tekanan yang ekstrem, kemahiran komunikasi yang berkesan, sehinggalah kepada kecerdasan emosi yang tinggi.

Justeru, setiap pelajar perlu benar-benar memahami implikasi di sebalik pemilihan kerjaya ini kerana laluan menjadi doktor bukan sekadar tentang lulus peperiksaan, tetapi tentang kemampuan untuk terus bertahan dan memberikan bakti dalam realiti dunia perubatan yang sangat mencabar.

Oleh yang demikian, kecemerlangan keputusan SPM semata-mata tidak akan mampu menampung beratnya tanggungjawab yang menanti di wad hospital jika tidak disertai dengan minat yang mendalam, sifat empati yang tinggi, serta ketahanan mental yang kuat.

Ramai pelajar yang bijak dari segi akademik akhirnya merasa terbeban apabila menyedari bahawa dunia perubatan menuntut pengorbanan masa, tenaga, dan emosi yang sangat besar melebihi sekadar peperiksaan bertulis.

Kesimpulannya, bidang perubatan menjanjikan sebuah kerjaya yang sangat mulia, tetapi laluan untuk merangkul gelaran tersebut menuntut pengorbanan yang bukan kepalang. Buat pelajar lepasan SPM, ambillah masa untuk menepuk dada dan bertanya selera sebelum melangkah jauh.



Pastikan keputusan untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan bukan sekadar bersandarkan slip keputusan yang cemerlang atau status sosial, tetapi atas kesediaan jiwa untuk membaktikan hidup demi merawat dan menyelamatkan manusia yang sebenar.

Kecemerlangan akademik hanyalah kunci pembuka pintu, namun keikhlasan dan ketabahan diri jualah yang akan membawa seseorang itu bertahan sehingga ke garisan penamat sebagai doktor yang berwibawa.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani
Pensyarah Fisiologi dan Pendidikan Perubatan
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
e-mel: azrilshahreez@iium.edu.my



Dr Mohd Salami Ibrahim
Pensyarah Pendidikan Perubatan
Fakulti Perubatan
Universiti Sultan Zainal Abidin



ONSA menjamin keselamatan dan keharmonian kita

Perlu wujud dasar menang-menang mendepani pengarang AI

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

ARTIKEL TAJAAN


 MS


Kolaborasi Strategik Perkukuh Pasaran Halal Ajinomoto (Malaysia) Berhad di Asia Barat

PALING POPULAR


Jet peribadi terhempas, timbunan menteri dan empat maut

GLOBAL



Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln

GLOBAL



KATA KUNCI

dokter perubatan

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

BERITA TERKINI



PBB bimbang peningkatan konflik ketenteraan AS...

22 Julai 2026 6:06 pm

 MS



Gempa bumi: Tiada kerosakan dikesan di kol...

22 Julai 2026 5:56 pm



Isu usir warga Israel: Malaysia tidak tunduk...

22 Julai 2026 5:51 pm



Sukan Tarian: Skuad kebangsaan sasar dua...

22 Julai 2026 5:49 pm



Tiada kerosakan struktur bangunan susulan gemp...

22 Julai 2026 5:42 pm



Tragedi terowong di Sikkim ragut 12 nyawa

22 Julai 2026 5:37 pm



Gara-gara satu paket minyak masak 1 kg, warg...

22 Julai 2026 5:30 pm



Johor umum 10 Timbalan Exco untuk perkukuh...

22 Julai 2026 5:23 pm

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.





Siasatan kematian penghuni: Penjara...

22 Julai 2026 5:00 pm


 MS



Serangan dron Ukraine lumpuhkan pusat logistik...

22 Julai 2026 4:57 pm

MESTI BACA



Thread
@KhairulAming
@khairulaming
- Peguam saya telah pun hantar
- Laporan rasmi telah dibuat ke
- Laporan polis telah dibuat di IP
- Bukti siasatan ke atas penjak
- Laporan kebalikan data telah
Peguam-peguam saya akan take
berhingga selesai. Diapungnyai ras
petaka semudah itu je pusingan ini
Denda telefon, payment history
ke no IC boleh akses MySara, sa


Khairul Aming fail laporan, LOD susulan dakwaan...

22 Julai 2026 2:47 pm



Dasar Borneonisasi: Sarawak lepasi sasaran,...

22 Julai 2026 1:58 pm



Gempa bumi 5.7 magnitud di Sumatera,...

22 Julai 2026 12:53 pm



Surah al-Ghashiyah mengembalikan kompas...

22 Julai 2026 11:33 am



Guna laluan air tidak diwartakan, PGA tahan...

22 Julai 2026 10:55 am

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Berita Ehwat Semasa

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur



☎ : +60322823119

✉ : portalberita@rtm.gov.my

✉ : Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwat Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.